

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 1 DISEMBER 2020

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pada keseluruhannya keadaan sekolah-sekolah di luar bandar termasuk Rompin, memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan kerana sebahagian daripada sekolah tidak pernah mendapat kerja-kerja penyelenggaraan. Oleh itu, berapa peruntukkan Kementerian pada tahun ini untuk disalurkan kepada tujuan tersebut. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah dan memohon bajet kerja-kerja penyelenggaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik, untuk semua sekolah di seluruh negara. Ini adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dalam keadaan selamat dan selesa.

Bagi tahun 2020, keseluruhan peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan sekolah dan institusi pendidikan di bawah pengendalian KPM adalah berjumlah RM570 juta. Khusus bagi Parlimen Rompin, terdapat 62 buah sekolah yang terdiri dari 42 Sekolah Rendah dan 20 Sekolah Menengah. Bagi tahun 2020, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM3.92 juta bagi menyelenggara 31 buah sekolah di Parlimen Rompin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun KPM akan berusaha memohon peruntukan penyelenggaraan bagi sekolah dan institusi pendidikan mengikut keperluan untuk memastikan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah dalam keadaan baik demi keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Sekian, terima kasih.